

No. Soalan: 70  
PR-1331-L67191

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 16 MAC 2015**

**SOALAN :** Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sebab mengapa kerajaan Malaysia belum lagi menandatangani Perjanjian Konvensyen Geneva Berkaitan Dengan Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967 memandangkan Malaysia kini mempunyai beratus ribu pendatang asing tanpa izin.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkenaan status Malaysia dalam menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 pernah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Sehingga kini Malaysia bukan merupakan dan tidak berhasrat untuk menjadi Negara Pihak, dengan izin, *State Party* kepada Konvensyen Berkaitan Status Orang-Orang Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967, dengan izin, *Convention Relating to the Status of Refugees 1951 and its Protocol 1967*.

4. Namun perlu saya jelaskan bahawa sebelum Malaysia menyertai mana-mana instrumen antarabangsa khususnya Konvensyen Berkaitan Status Orang-Orang Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967, Malaysia perlu mengkaji secara mendalam kesan dan implikasi penyertaannya dari segi ancaman keselamatan, peningkatan gejala sosial serta aspek beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan.

5. Sehubungan ini, persediaan menyeluruh perlu dilaksanakan dengan teliti oleh Kerajaan Malaysia sebelum sesuatu keputusan dimuktamadkan dalam usaha Malaysia menyertai sesebuah instrumen antarabangsa termasuklah sama ada intrumen antarabangsa berkenaan dapat dilaksanakan melalui rangka perundangan negara.

Sekian, terima kasih.